

# Media sosial trend masa kini

## UNIMAS sedia guna Facebook, Twitter kembangkan ilmu

Oleh Patricia Gari

**KUCHING:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bersedia mengguna pakai media sosial sebagai alat untuk mengembang ilmu pengetahuan dalam kalangan penuntutnya bagi menggantikan kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS Profesor Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, perubahan itu harus diterima positif oleh pensyarah dan pentadbir kerana generasi sekarang amat terdedah kepada media sosial.

Beliau berkata, suka atau tidak generasi lama harus menerima perubahan itu dan mengadaptasikannya kerana itu adalah trend masa kini.

Sekiranya Facebook dan Twitter digunakan untuk mendidik, beliau percaya ia akan memberi ruang dan peluang kepada pelajar memberi pandangan, berhujah serta berkongsi idea dengan kumpulan lebih besar.

“Saya rasa ia suatu yang sangat baik dan UNIMAS tiada halangna untuk melaksanakannya sebab generasi sekarang amat terdedah kepada media sosial dan generasi lama

“Lupakan nostalgia ini, beralih kepada Facebook dan Twitter meskipun kita perlu mengambil sedikit masa serta agak janggal.”

*Profesor Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS*

seperti kami (pensyarah serta pentadbir) perlu bersaing atau belajar menggunakannya, sama ada suka atau tidak,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, pensyarah dan pentadbir universiti mungkin sudah biasa dengan kaedah lama menggunakan pen menanda, papan putih dan mesin taip dan sebagainya tetapi perubahan zaman menuntut perubahan dilakukan.

“Lupakan nostalgia ini, beralih kepada Facebook dan Twitter meskipun kita perlu mengambil sedikit masa serta agak janggal,” katanya.

Beliau berkata, penggunaan media sosial seperti Facebook dan Twitter untuk mengajar boleh memberi pengalaman pengajaran dan pendidikan yang lebih efektif kerana pelajar boleh mendengar, melihat dan memahami isu dibincangkan.

Mengakui penggunaan media sosial dalam pendidikan

ada kebaikan dan keburukan, UNIMAS, katanya, akan mendidik penuntut dan masyarakat umum agar sentiasa berhemah, waras serta membuat pertimbangan ketika berkomunikasi dalam dunia maya.

Beliau berkata pendidikan, pengetahuan, pertimbangan, kewajaran dan penilaian waras perlu seiring lebih-lebih lagi dalam kalangan warga universiti kerana mereka seharusnya memberi teladan terbaik kepada pengguna media sosial lain.

“Sebagai gedung ilmu, UNIMAS perlu menjadi contoh kepada penggunaan media sosial dengan betul, memang menghina dan memfitnah dalam Facebook tidak dapat dielakkan sebab ini adalah dunia maya. Oleh itu, kunci utamanya ialah kedua-dua pihak, penulis dan pembaca harus dididik membuat pertimbangan sewajarnya.

“Pandangan peribadi saya, semua agama mengajar kita agar tidak mengkhianat dan memfitnah, tetapi kita tidak sedar perkara itu kita lakukan melalui Facebook... Justeru kita tidak akan sekat penggunaan media sosial tetapi sebagai universiti akan mendidik cara penggunaan yang lebih berhemah,” ujarnya.

Mohd Fadzil berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah mengatakan universiti di negara ini perlu memelopori media sosial untuk pendidikan penuntut mengikut kesesuaian peredaran zaman.

Beliau berkata, media sosial bukan sahaja menjadi medium penghubung, malah ia boleh menjadi medium pendidikan untuk penuntut dalam aktiviti pelajaran serta aktiviti kokurikulum mereka.

“Kita perlu berubah mengikut peredaran zaman, zaman kami dulu zaman mesin taip. Kini zaman pelajar adalah zaman komputer.

“Kemunculan kesedaran sosial bentuk baharu di mana kerja-kerja sosial diberikan definisi baharu seperti pendidikan mencintai negara atau patriotisme,” katanya.